

# Dr M setuju hadir sidang

**P**UTRAJAYA: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengesahkan kehadiran mereka pada Perhimpunan Agung Umno, minggu depan.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, berkata beliau menerima surat jawapan mengesahkan kehadiran bekas Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Umno, kelmarin.

"Ya. Dr Mahathir memberi jawabannya semalam (kelmarin) dan kita mengalukan kedatangannya sama seperti tetamu lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini, semalam.

Mohd Radzi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan ditempatkan di barisan hadapan tetamu jemputan bersebelahan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.